جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH

TAKABBUR MENUTUP KEBENARAN

Tarikh Bacaan:

23 OKTOBER 2026M / 12 JAMADILAWWAL 1448H

Dibiayai :

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

1. **Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
   Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

2. **YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
   Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

3. **YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
   Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
   Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

4. **YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
   Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

5. **YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
   Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
   Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

6. **YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
   Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
   Universiti Sains Malaysia

7. **YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
   Pendakwah

8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
   Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
   Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

Takabbur Menutup Kebenaran

23 Oktober 2026M/ 12 Jamadilawal 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ القَائِلْ: وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾ سورة لقمان

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰه، وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa bukan sekadar pengakuan pada lidah, tetapi keyakinan yang berakar di hati, ketaatan yang terbukti melalui amalan, akhlak yang terpancar dalam pergaulan serta pendirian yang tetap terpelihara ketika berhadapan dengan godaan dan ujian kehidupan.

Sebelum khatib meneruskan khutbah, marilah kita memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Tinggalkanlah segala perkara yang boleh mengganggu tumpuan dan mengurangkan pahala mendengar khutbah seperti berbual-bual, bermain telefon bimbit, tidur dengan sengaja atau melakukan perkara yang sia-sia.

Pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang jemaah menghayati khutbah yang bertajuk: **Takabbur Menutup Kebenaran.**

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH,

Kadang-kadang kesombongan tidak hadir dalam bentuk harta yang banyak bahkan jawatan yang tinggi. Kesombongan boleh hadir melalui satu ungkapan yang mungkin biasa kita dengar: *"Kau tak kenal aku siapa"?*

Ungkapan ini mungkin sahaja diucapkan sebagai gurauan. Namun, apabila ia digunakan untuk menakutkan, mengugut, merendahkan atau memaksa orang lain tunduk kepada kita, maka ia bukan lagi sekadar kata-kata. Ia adalah cerminan hati yang merasakan dirinya lebih hebat daripada orang lain.

Persoalannya, mengapa seseorang perlu memperkenalkan kedudukan, pangkat, pengaruh atau kenalannya apabila berhadapan dengan manusia lain? Adakah kerana dia tidak yakin bahawa kebenaran boleh berdiri tanpa bantuan nama dan kuasa? Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam Surah Luqman ayat 18 yang dibacakan di awal khutbah tadi bermaksud:

"Dan janganlah kamu memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia dan janganlah kamu berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong takbur lagi membanggakan diri."

Ayat ini bukan sekadar melarang kita berjalan dengan gaya angkuh. Bahkan, Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ mendidik kita agar tidak memandang rendah kepada sesiapa pun. Jangan kerana kita mempunyai harta, ilmu, jawatan,

rupa, pengaruh atau kedudukan, kita merasakan orang lain lebih rendah daripada kita.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesombongan merupakan penyakit hati yang sangat berbahaya. Ia bukan sahaja merosakkan hubungan sesama manusia, bahkan boleh menjauhkan seseorang daripada Allah. Kisah Iblis menjadi contoh paling jelas tentang akibat kesombongan. Ketika Allah memerintahkan para malaikat supaya sujud sebagai penghormatan kepada Nabi Adam عَلَيْهِ ٱلسَّلَامُ, semua malaikat taat melaksanakan perintah Allah kecuali Iblis. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 34:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: *"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Tunduklah (beri hormat) kepada Adam." Lalu mereka semua sujud kecuali Iblis. Dia enggan dan takbur, lalu jadilah ia daripada golongan yang kafir."*

Iblis bukan tidak mengetahui perintah Allah. Iblis tahu bahawa yang memerintahkannya ialah Allah. Namun, dia enggan tunduk kerana merasakan dirinya lebih baik. Dia berkata: *"Anā khairun minhu"* yang bermaksud "aku lebih baik daripadanya."

Inilah punca kehancuran Iblis. Bukan kerana dia tidak mempunyai ilmu, tetapi kerana ilmunya tidak melahirkan ketaatan. Bukan kerana dia tidak mengenal kebenaran, tetapi kerana dia tidak mahu merendahkan diri di hadapan kebenaran.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sombong terhadap manusia memang mudah kita kenali. Ia terlihat melalui kata-kata yang kasar, wajah yang sinis, layanan yang berbeza dan sikap suka mengarah tetapi tidak mahu mendengar.

Namun, kesombongan yang lebih berbahaya ialah apabila seseorang menolak teguran dan kebenaran. Apabila ditegur, dia menjawab: “Aku lebih tua daripada kamu.” “Aku lebih lama dalam bidang ini.” “Aku lebih makan garam dari kamu.” “Kau baru hendak belajar.” “Aku tahu apa yang aku buat.”

Lebih malang apabila seseorang merasakan jawatan, ilmu, populariti atau ramai pengikut menjadikan dirinya tidak boleh ditegur oleh sesiapa pun. Sedangkan kebenaran tidak menjadi benar kerana siapa yang menyampaikannya. Kebenaran tetap benar walaupun datang daripada orang yang lebih muda, lebih miskin, tidak berpangkat atau tidak dikenali.

Begitu juga kesalahan tidak berubah menjadi benar hanya kerana dilakukan oleh orang yang berjawatan, terkenal atau mempunyai ramai pengikut. Jangan sampai kita hanya mahu menerima nasihat daripada orang yang kita kagumi, tetapi menolak teguran daripada orang yang kita pandang rendah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Orang yang benar-benar mulia tidak perlu sibuk memberitahu manusia siapa dirinya. Akhlaknya sudah memperkenalkan dirinya. Orang yang benar-benar berilmu tidak takut menerima teguran. Orang yang benar-benar kuat tidak perlu menakutkan orang lain. Orang yang benar-benar tinggi darjatnya di sisi Allah akan semakin merendah diri di hadapan makhluk.

Sebagaimana dinyatakan oleh Imam Ibnul Qayyim al-Jauziyah رَحِمَهُ ٱللَّهُ:

وَالتَّوَاضُعُ مِنْ أَخْلَاقِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَالْكِبْرُ مِنْ أَخْلَاقِ أَهْلِ النَّارِ

Maksudnya: *"Rendah hati ialah antara akhlak ahli syurga, manakala kesombongan pula antara akhlak ahli neraka."*

Oleh itu, jangan kita ukur kemuliaan seseorang hanya melalui pakaian, jawatan, harta atau populariti. Ukurlah melalui akhlaknya ketika berhadapan dengan orang yang tidak mampu memberikan apa-apa kepadanya. Bagaimanakah dia melayan pekerja bawahan? Bagaimanakah dia bercakap dengan orang miskin? Bagaimanakah dia menerima teguran? Bagaimanakah dia bertindak apabila melakukan kesalahan?

Di situlah terserlah siapa dirinya yang sebenar.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pedoman.

Pertama: Sedarlah bahawa segala nikmat yang kita miliki hanyalah amanah daripada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Kedua: Jagalah lidah daripada ungkapan yang merendahkan orang lain.

Ketiga: Bersedialah menerima teguran dan kebenaran walaupun ia datang daripada orang yang lebih muda, lebih rendah kedudukan atau tidak kita kenali.

Keempat: Latih diri untuk bersikap tawaduk dengan menghormati semua manusia.

Kelima: Jadikan media sosial sebagai ruang menyebarkan akhlak, bukan tempat membuka aib, memalukan manusia atau membina rasa besar diri.

Ingatlah firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah al-Furqan ayat 63:

وَعِبَادُ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمۡشُونَ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ هَوۡنٗا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلۡجَٰهِلُونَ قَالُواْ سَلَٰمٗا ٦٣

Maksudnya: *"Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Pemurah ialah orang-orang yang berjalan di muka bumi dengan rendah hati, dan apabila orang-orang yang kurang beradab menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka mengucapkan, "Salam".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْم

Khutbah Kedua

2026M/1448H

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْن، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِيْنِ، وَعَلَى اٰلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِيْنَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلٰهَ إلاَّ اللّٰه وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْر، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيْر.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ ومِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوْا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوْا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2012 memutuskan bahawa Penjelasan Berkaitan Isu Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

Pemaju beragama Islam dan pembeli beragama Islam adalah dilarang memberi sumbangan kepada tabung Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) kerana ia adalah bercanggah dengan hukum Syarak.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا.

اللَّهُمّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُجَاهِدِيْنَ وَالْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي فَلَسْطِيْن وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن. اللَّهمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوْصًا وِلَايَةَ قُوْلَاو قِيْنَغ آمِنًا مُطْمَئِناً سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَزُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الجَلاَلَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذٰلِكَ صَاحِبِ الفَخَامَةْ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

"Ya Allah, dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kurniakanlah kepada kami dan keturunan kami hidayah serta kekuatan untuk terus istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan wakaf melalui Wakaf MAINPP.

Ya Allah, rahmatilah para pembayar zakat dan para pewakaf sekalian. Terimalah segala amal kebajikan mereka, berkatilah rezeki mereka, dan jadikanlah sumbangan mereka sebagai amal jariah yang terus mengalir pahalanya serta menjadi bekalan mereka di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memperkasa pengurusan zakat dan wakaf, agar terus menjadi instrumen yang menyantuni golongan yang memerlukan, memperkasa kehidupan ummah dan membina keseimbangan sosioekonomi di negeri yang tercinta ini."

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ! إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ. فَاذْكُرُوا اللَّهَ العَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ.

جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG